

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## HSR pacu pertumbuhan ekonomi luar bandar

# HSR pacu pertumbuhan ekonomi luar bandar

Dari muka 23

Beliau berkata, pelaburan dalam HSR akan mewujudkan peluang ekonomi yang kukuh di sepanjang wilayah dilaluinya, mempercepat pembangunan yang dirancang dan mencipta peluang pekerjaan baharu kepada penduduk.

Katanya, projek HSR akan memberikan impak pertumbuhan yang ketara di setiap bandar melalui Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di stesen HSR.

"HSR ialah enjin pertumbuhan dan alat untuk transformasi ekonomi. Kami (MyHSR) mempunyai agenda besar untuk dipacu... Ia mengenai mengubah Malaysia sebagai sebuah negara, sebagai sebuah masyarakat - bagaimana kita bersaing dengan seluruh dunia, dan bagaimana kita menstrukturkan ekonomi.

"Lagipun, negara jiran kita - Indonesia, Thailand dan Vietnam - telah melaksanakan secara rasmi pelan HSR mereka," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Berdasarkan unjuran MyHSR yang dilakukan pada jajaran asal

projek HSR KL-Singapura, ia dijangka menyumbang pembangunan langsung RM252 bilion dalam impak output, RM145 bilion daripada pelancongan antarabangsa dan bakal mewujudkan 1.01 juta peluang pekerjaan dalam tempoh pembinaan dan operasi.

Malah, infrastruktur HSR juga lebih mesra alam dengan diunjurkan kira-kira 10 juta tan pelepasan karbon dioksida dikurangkan dalam tempoh 50 tahun pertama ia beroperasi, sekali gus menjadi satu lagi faktor yang boleh menarik pelaburan berkualiti ke dalam negara.

### Pembiayaan penuh pihak swasta

Sementara itu, Pengerusi MyHSR, Datuk Seri Fauzi Abdul Rahman, berkata projek yang tertunda sebelum ini itu akan dilaksanakan semula dengan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta tanpa menggunakan dana dan jaminan daripada kerajaan.

Beliau berkata, ia sekali gus akan mengurangkan beban kewangan kerajaan di tengah-tengah paras hutang negara yang tinggi sekitar RM1.5 trilion.

Katanya, projek HSR KL-Singapura itu dijangka memberi manfaat besar kepada rakyat dari segi pembangunan ekonomi serta keselesaan dan masa perjalanannya yang lebih singkat.

"Projek HSR bukan sesuatu yang baharu. Ia dilaksanakan di negara maju dan sedang membangun. Ia menunjukkan pengangkutan penting menerusi rel.

"Projek ini berjalan terus dan kita akan tengok maklum balas daripada pihak swasta untuk melaksanakan projek ini. Projek ini akan dibiayai sepenuhnya oleh swasta. Kita tidak mahu beban duit kerajaan, kerana duit kerajaan lebih perlu guna dana untuk memelihara rakyat," katanya.

MyHSR, jentera pelaksana projek Kerajaan Malaysia bagi HSR KL-Singapura pada 11 Julai lalu telah melancarkan proses Permintaan Maklumat (RFI) bagi membolehkan sektor swasta mengemukakan secara rasmi cadangan konsep untuk membina dan mengendalikan projek berkenaan melalui model perkongsian awam-swasta.

Proses RFI itu terbuka kepada firma-firma dan konsortium tempatan dan antarabangsa untuk mengemukakan cadangan konsep masing-masing.

Pelaksanaan RFI itu juga membolehkan kerajaan Malaysia untuk menilai minat dan keupayaan industri untuk membiayai

projek berkenaan sepenuhnya.

Di samping itu, proses RFI itu akan menilai keupayaan firma-firma dan konsortium berkenaan dalam membangunkan projek infrastruktur utama itu berdasarkan spesifikasi teknikal, kos projek, model komersial dan perniagaan, dan rangka kerja konsortium serta tadbir urus.

Sebelum ini, Malaysia dan Singapura bersetuju untuk membina projek berkenaan membabitkan nilai RM110 bilion sepanjang 350 kilometer yang dijangka memendekkan masa perjalanan antara kedua-dua bandar raya kepada 90 minit.

Namun, pada 1 Januari 2021, Malaysia dan Singapura mengumumkan bersama penamatan projek HSR apabila kedua-dua negara gagal mencapai persetujuan bagi perubahan yang dicadangkan Malaysia sebelum perjanjian projek itu luput pada 31 Disember 2020.

Pada Mac 2021, Malaysia mengumumkan ia membayar SG\$102.8 juta kepada Singapura selaku kos yang ditanggung bagi pembangunan projek HSR dan berkaitan pelanjaran penangkuhan.

“Projek HSR bukan sesuatu yang baharu. Ia dilaksanakan di negara maju dan sedang membangun. Ia menunjukkan pengangkutan penting menerusi rel”

Fauzi Abdul Rahman,  
Pengerusi MyHSR

